

Kuantan mampu jadi model bandar raya lestari

Berita Harian (Minda Pembaca) 8/5/2021 (1min) m/s: 13

Pengisytiharan Kuantan sebagai bandar raya mencatatkan rekod pencapaian dan sejarah baharu buat Pahang. Sebagai ibu negeri sejak 1955 yang menempatkan pusat pentadbiran dan tumpuan perusahaan, kini mengorak langkah menjadi bandar lebih maju.

Sudah tentu, pencapaian ini membiitkan semangat kepada semua pihak dalam meningkatkan kemakmuran bagi membuka lebih peluang rakyat menikmati.

Menariknya, kerajaan negeri menetapkan visi pembangunan Kuantan yang memberi tumpuan kepada agenda kelestarian bandar.

Visi ini tentu memberi manfaat kepada semua, sekali gus membuktikan iltizam memajukan bandar tidak semata-mata mengejar pencapaian hasil ekonomi. Sebaliknya, ia juga memberi pertimbangan terhadap hak alam sekitar.

Usaha ini secara tidak langsung menuruti Kuala Lumpur yang juga menetapkan hasrat sama menerusi Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040.

Malah, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini pada Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri turut menggesa kelestarian alam sekitar diusahakan. Keadaan kini lebih genting ketika usaha pemulihan ekonomi akibat pandemik perlu mengelakkan pencemaran alam.

Beliau menyatakan: "Kita harus rintis usaha penambahbaikan dan membantu ke arah kehidupan lestari. Maka, perindustrian di Malaysia harus

dilaksana secara lebih mesra alam sekitar dan menerapkan corak penggunaan serta pengeluaran lebih lestari."

Maka, peranan individu penting dengan keterampilan budi pekerti mulia dengan mengamalkan kebersihan diri. Gaya hidup bandar raya lestari akan terserlah dengan mengurangkan dan mengelakkan punca pencemaran udara, air serta bunyi.

Antara cabaran besar bagi Kuantan ialah tahap kebersihan sungai, kawalan pencemaran bunyi dan udara. Namun, dalam aspek kebersihan sungai, pencapaian Kuantan memenangi Anugerah Bandar Lestari ASEAN Kategori *Clean*

Water pasti menjadi kekuatan kepada kerajaan untuk menjayakan usaha ini.

Dalam nada berbeza, visi pembangunan Kuantan ini membuka peluang kepada wacana ilmiah, khususnya terhadap fahaman lestari dan makna pembangunan. Sarjana dan golongan terpelajar berpotensi untuk berhimpun serta mengadakan perbincangan serius mengenai visi ini.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan berpotensi menggerakkan peranan daya akliah untuk membahaskan subjek penting ini. Universiti awam (UA) menjadi

tempat sesuai untuk mewacanakan idea idea besar termasuk kelestarian bandar.

Usaha menggerakkan peranan universiti ini penting dalam membantu jentera kerajaan merangka dan melaksana. Ia akan menguatkan lagi hubungan universiti dan pentadbir kerajaan bukan sahaja bertukar tukar idea, malah melicinkan lagi proses imbangan dan semak dalam pentadbiran bandar raya.

Dalam membahaskan bandar lestari, antara karya penting berpotensi untuk dijadikan sebagai rujukan dan wacana ialah Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar tulisan Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Karya ini turut menyentuh peringkatnya semua pihak - ahli politik, sarjana, wartawan, individu - memahamkan peranan. Idea kelestarian bandar tidak akan dicapai sekiranya amalan budaya hidup lestari hanya disandarkan kepada pentadbir negeri semata-mata.

Kesimpulannya, sekiranya wacana tertib tersusun dapat dijayakan dengan budaya ilmu, sudah tentu proses pembangunan Kuantan sebagai bandar lestari dapat digapai. Tidak mustahil, Kuantan berupaya menjadi model atau teladan bandar lain yang maju bukan sahaja dari aspek ekonomi, malah lestari terhadap alam sekitar.

Muhammad Mohamad Idris,
Kuala Rompin, Pahang

